

# NIOSH UPDATES

## Issue 18, Volume 11, 2018



**5<sup>th</sup> Scientific Conference on Occupational Safety and Health (SciCOSH)**

**“Engaging OSH In Industrial Revolution 4.0”**

28th to 29th November 2018 @  
Le Meridien Hotel, Putrajaya

**TIPS KESELAMATAN SEMASA  
KEBAKARAN**





## 5<sup>th</sup> Scientific Conference on Occupational Safety and Health (SciCOSH)

### “Engaging OSH In Industrial Revolution 4.0”

NIOSH Malaysia is pleased to organise the **5th Scientific Conference on Occupational Safety and Health (SciCOSH2018)** from **28th to 29th November 2018** at **Le Meridien Hotel, Putrajaya**. The theme of the conference is ‘**Engaging OSH in Industrial Revolution 4.0**’.

The conference aims at bringing together all professionals, academicians and researchers for networking apart from developing and sharing knowledge in research findings related to Occupational Safety and Health (OSH). This conference also will serve as a platform to share the latest and ongoing researches on OSH among the participants. Aspiring OSH researchers and students are also welcomed to participate in SciCOSH2018.

Therefore, it is truly our privilege and honor to extend an invitation to you and your respective organization to present Scientific Research Papers and participate in the conference. It will be a great opportunity to share the latest information on Industrial Revolution 4.0 that is related to OSH with all participants. **For your information, the SciCOSH2018 Committee has extended the Abstract Submission to 30th September 2018 and Full Paper / E-Poster Submission to 31st October 2018.**

The conference details will be available on our website - [www.myscicosh.com](http://www.myscicosh.com). Should you need further information and clarification, please do not hesitate to contact **Mr. Abu Hanifah Mohd Kamal** at **+603-87692200** or email at [scicosh@niosh.com.my](mailto:scicosh@niosh.com.my).

We are looking forward to seeing you at the Conference and thank you for your support in advance.

Thank you.

Yours sincerely,

Secretariat,

SciCOSH2018



# TIPS KESELAMATAN SEMASA KEBAKARAN

**A**pabila anda berusaha menyelamatkan diri semasa kebakaran, anda perlulah bertindak dengan betul untuk menyelamatkan nyawa anda dan keluarga. Berikut adalah langkah yang perlu diambil untuk tujuan tersebut.

## + MENUTUP PINTU

Sesetengah ibu bapa lebih suka membiarkan pintu bilik tidur anaknya terbuka semasa anaknya tidur pada waktu malam. Alasannya agar mereka mudah mengawasi dan dapat mendengar suara anak mereka. Pintu yang terbuka akan mempercepatkan api, asap dan haba merebak ke dalam bilik tersebut sekiranya berlaku kebakaran. Oleh itu adalah digalakkan supaya menutup pintu semua bilik agar anda mempunyai lebih masa untuk menyelamatkan diri.

## + RASAI KEPANASAN PINTU SEBELUM DIBUKA

Semasa membuka pintu di ruang yang terbakar, anda terdedah kepada bahaya haba, asap dan lidah api yang boleh mencederakan.

Jika terperangkap di dalam bilik semasa kebakaran, sebelum membuka pintu, anda hendaklah merasai kehangatan daun pintu, tombol dan bingkai pintu dengan menggunakan belakang tangan. Jika terasa panas, jangan buka pintu dan carilah jalan keluar alternatif.

Sekiranya daun pintu tersebut tidak panas, anda hendaklah melutut dan meletakkan bahu ke pintu terlebih dahulu sebelum membuka pintu secara perlahan-lahan dan berhati-hati. Tindakan ini perlu diambil bagi mengelakkan serbuan lidah api dan asap yang biasanya memenuhi bahagian atas ruang.

Jika haba dan asap mula memasuki bilik, tutup pintu rapat-rapat dan tutup semua ruang atau lubang di bawah pintu dengan menggunakan tuala, cadar, selimut dan apa saja yang terdapat di dalam bilik tersebut.



# TIPS KESELAMATAN SEMASA KEBAKARAN

## ✚ MENYELAMATKAN DIRI MELALUI TINGKAP

Sekiranya laluan utama terhalang oleh api dan asap, anda boleh berusaha menyelamatkan diri melalui tingkap.

Sebelum membuka tingkap, pastikan pintu bilik tertutup rapat bagi mengelakkan api dari merebak. Sekiranya anda berada di tingkat satu, cuba turun dengan cara yang selamat bagi mengelakkan kecederaan. Keluarkan kaki dan cuba rendahkan diri lalu keluar melalui tingkap secara membelakang. Bergayut seketika pada sisi tingkap dan kemudian terjun.

Anak-anak boleh dikeluarkan dengan cara menghulurkan mereka ke bawah sekiranya ada orang yang membantu. Jika tiada, cuba turunkan anak ke paras bawah sejauh yang mungkin dengan berhati-hati. Namun jangan pula anda terjun dahulu dan meninggalkan anak-anak dengan anggapan mereka akan mengikut anda. Jika mereka enggan terjun tindakan susulan sudah terlewat.

## ✚ APA YANG PATUT DIBUAT SEKIRANYA ANDA TERPERANGKAP

Sekiranya anda berada di paras melebihi tingkat satu, anda tidak boleh menyelamatkan diri dengan terjun melalui tingkap kecuali turun dengan menggunakan tangga, melalui beranda, pokok, garaj kereta ataupun tunggu sehingga ketibaan anggota Bomba untuk menyelamatkan anda.

Sekiranya tingkap boleh dibuka, cuba buka sedikit di bahagian atas dan bahagian bawah tingkap. Dengan berbuat demikian udara bersih akan masuk melalui bawah dan asap akan keluar melalui bahagian atas yang telah dibuka.

Tutup ruang-ruang di bawah pintu dengan menggunakan cadar, selimut, tuala dan sebagainya bagi mengelakkan asap masuk ke ruang bilik. Jika ada telefon di dalam bilik, segeralah hubungi Bomba atau jiran terdekat. Maklumkan kedudukan anda untuk membolehkan tugas menyelamatkan dilakukan segera. Beri isyarat dengan berdiri berhampiran tingkap dan suluh dengan lampu picit, atau kibarkan kain warna putih/terang agar pasukan penyelamat dapat mengesan kedudukan anda.



# TIPS KESELAMATAN SEMASA KEBAKARAN

## ✚ MERANGKAK DI BAWAH ASAP

Semasa kebakaran, udara panas dan asap akan memenuhi ruang atas dan gas beracun akan turun ke lantai.

Udara yang bersih akan berada di zon selamat untuk bernafas iaitu satu hingga dua kaki (30cm hingga 60cm) dari paras lantai.

Semasa berusaha menyelamatkan diri, jika laluan utama telah dipenuhi asap, cuba cari laluan lain. Sekiranya tiada pilihan, ikut laluan utama dengan cara merangkak dan pastikan kepala berada di paras zon selamat.



## ✚ SEKIRANYA PAKAIAN ANDA TERBAKAR

Jika pakaian dan terbakar, berhenti dan jangan lari supaya tidak memarakkan api itu. Rebahkan diri, tutup muka dengan kedua belah tangan dan berguling di atas lantai bagi memadamkannya.

Anak-anak anda perlu tahu dan selalu dilatih cara tersebut.

Jika anda melihat orang lain terbakar, bantulah mereka. Sekiranya mereka tidak merebahkan diri, anda hendaklah merebahkan mereka atau selimutkan dengan kain gebar (selimut) atau guni basah bagi memadamkan kebakaran tersebut.



# TIPS KESELAMATAN SEMASA KEBAKARAN

## + BANTUAN KECEMASAN BAGI KECEDEeraan AKIBAT KEBAKARAN

Tubuh yang melecur disebabkan kebakaran perlulah diberi rawatan segera. Jangan sapukan minyak urut, mentega, kicap dan sebagainya kerana ini akan memburukkan lagi kecederaan itu.

## + MELECUR

Melecur mempunyai 3 tahap, iaitu:

### i. Melecur Darjah Pertama

Melecur sedikit, melibatkan kebakaran kulit di bahagian luar sahaja

### ii. Melecur Peringkat Kedua

Kelecuran kulit (blistered skin) yang serius dan memerlukan rawatan segera

### iii. Melecur Darjah Ketiga

Kelecuran yang lebih parah, melibatkan tisu-tisu di dalam badan yang memerlukan rawatan kecemasan dari pegawai perubatan

## Rawatan Awal

Untuk melecur darjah pertama dan kedua, sejukkan bahagian melecur dengan mengalirkan air selama 10-15 minit. Langkah ini akan menurunkan suhu permukaan kulit, mengelakkan melecur lebih besar dan mengurangkan kesakitan. Jangan gunakan ais!



Untuk melecur darjah ketiga, tutup bahagian yang melecur dengan menggunakan kain yang tidak berbulu. Tunggu sehingga bantuan perubatan sampai. Baringkan mangsa dan jangan buka pakaiannya kerana ia mungkin terlekat pada bahagian kulit yang melecur.

## BOOK REVIEW

# Human Factors in Practice: Concepts and Applications, 1st Edition

by [Haydee M. Cuevas](#) (Editor), [Jonathan Velázquez](#) (Editor), [Andrew R. Dattel](#) (Editor)


Human Factors in Practice: Concepts and Applications is written for the practitioner who wishes to learn about human factors (HF) but is more interested in application (applied research) than theory (basic research). Each chapter discusses the application of important human factors theories, principles and concepts, presented at a level that can be easily understood by layman readers with no prior knowledge or formal education in human factors. The book illustrates to the non-HF practitioner the many varied domains in which human factors has been applied as well as serving to showcase current research in these areas. All chapters address the common overarching theme of applying human factors theories, principles and concepts to address real-world problems, and follow a similar structure to ensure consistency across chapters. Standard sections within each chapter include a discussion of the scientific underpinnings, a description of relevant HF methods and guidance on sources of further information, case studies to illustrate application, and a summary of likely future trends. Each chapter concludes with a short list of key terms and definitions to enhance the reader's understanding of the content. Featuring specialist contributors from a variety of disciplines and cultural backgrounds, the book represents a diverse range of perspectives on human factors and will appeal to a broad international audience. It is consciously not a classroom textbook but rather intended to be read at the workplace by non-HF practitioners, and written specifically with their needs in mind. Reading this book will give all practitioners a solid grounding in modern human factors and its application in real-world situations.



## BOOK REVIEW

# Human Factors in Practice: Concepts and Applications, 1st Edition

by [Haydee M. Cuevas](#) (Editor), [Jonathan Velázquez](#) (Editor), [Andrew R. Dattel](#) (Editor)



### Editorial Reviews

### About the Author

Haydee M. Cuevas, Ph.D., is an Assistant Professor in the College of Aviation School of Graduate Studies at Embry-Riddle Aeronautical University, Daytona Beach, FL. Prior to joining Embry-Riddle, she worked for over 7 years as a Research Scientist at SA Technologies, Inc. She earned her Ph.D. in Applied Experimental and Human Factors Psychology from the University of Central Florida.

Jonathan Velázquez, Ph.D. is an Associate Professor and Campus Assessment Coordinator for the Inter American University of Puerto Rico. Jonathan earned his Doctor of Philosophy degree in Aviation from Embry-Riddle Aeronautical University. He possesses a Master in Educational Arts degree in University Teaching from the Inter American University of Puerto Rico.

Andrew Dattel, Ph.D., is an Assistant Professor in the College of Aviation School of Graduate Studies at Embry-Riddle Aeronautical University in Daytona Beach, FL, where he also is the Director of the Cognitive Engineering Research in Transportation Systems (CERTS) Lab. He earned his Ph.D. in Human Factors from Texas Tech University.

### Product details

**Hardcover:** 176 pages

**Publisher:** CRC Press; 1 edition (September 13, 2017)

**Language:** English

**ISBN-10:** 9781472475152

**ISBN-13:** 978-1472475152

**ASIN:** 1472475151

**Product Dimensions:** 6.2 x 0.5 x 9.2 inches

**Shipping Weight:** 14.1 ounces ([View shipping rates and policies](#))

**Average Customer Review:** [Be the first to review this item](#)

**Amazon Best Sellers Rank:** #3,089,052 in Books ([See Top 100 in Books](#))

#336 in [Books](#) > [Engineering & Transportation](#) > [Engineering](#) > [Industrial, Manufacturing & Operational Systems](#) > [Ergonomics](#)

#1310 in [Books](#) > [Engineering & Transportation](#) > [Engineering](#) > [Industrial, Manufacturing & Operational Systems](#) > [Health & Safety](#)

#1315 in [Books](#) > [Science & Math](#) > [Technology](#) > [Safety & Health](#)



**Headline** : Akta keselamatan pekerja dipinda bulan depan  
**Publication** : Berita Harian  
**Date** : 25 September 2018  
**Page** : 06

## Akta keselamatan pekerja dipinda bulan depan

BH 6 25/9/18

**Putrajaya:** Pindaan terhadap Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dijangka dibentangkan di Dewan Rakyat bulan depan, bagi menyelaraskan segala peraturan dan amalan industri seiring kehendak persekitaran kerja era digital.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Mahfuz Omar, berkata cadangan pindaan itu kini pada peringkat semakan di Jabatan Peguam Negara.

"Pindaan terhadap akta ini bagi memperkemarkan, selain memba-

bitkan pelbagai perkara dan lebih menyeluruh serta spesifik, termasuk dari segi penalti kesalahan.

### Persetujuan semua pihak

"Semua ini perlu persetujuan pelbagai pihak, termasuk penggiat industri. Kita jangka jika semua selesai, ia mungkin boleh dibentangkan pada sesi Parlimen akan datang, iaitu bulan depan," katanya di sini, semalam.

Terdahulu, beliau merasmikan Persidangan dan Pameran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Kali Ke-21 (COSH 2018) yang disertai 1,500 peserta.

COSH 2018 bertemakan 'Meningkatkan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam Era Digital Baharu' itu menjadi platform terbaik untuk agensi kerajaan, penggiat industri serta pihak berkaitan berkongsi pendapat, kemahiran, hasil kajian dan teknologi berkaitan keselamatan serta kesihatan pekerjaan seiring perkembangan Revolusi Industri Keempat.

Yang turut hadir, Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan

Pekerjaan Negara (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye.

Mahfuz yang juga Pengerusi Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan berkata, beliau akan memastikan segala usaha komprehensif, penetapan dasar baharu dan penajajaran semula hala tuju Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, disepadukan dengan penyertaan segenap lapisan masyarakat di negara ini.

Katanya, Kementerian Sumber Manusia juga akan memastikan Jabatan Keselamatan dan Kesih-

tan Pekerjaan (JKKP) meningkatkan keupayaan mereka, dalam aspek penguatkuasaan dan pemurniaan tetapan perundangan dan peraturan yang akan dikuatkuasakan secara keseluruhan.

"Kita juga akan memastikan NIOSH terus cemerlang sebagai peneraju aktif menghasilkan kajian bersepadu berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, supaya seiring kehendak semasa selain menyediakan latihan dan khidmat perundingan seiring perkembangan era digital," katanya.

**Headline** : Warga emas maut tertimbus pasang paip  
**Publication** : Harian Metro  
**Date** : 17 September 2018  
**Page** : 03

## Warga emas maut tertimbus pasang paip

**Kuala Langat:** Seorang warga emas maut selepas tertimbus ketika melakukan kerja memasang paip bawah tanah di Jalan Permatang Pasir-Bukit Jugra di sini, pagi semalam.

Ketua Cawangan Pengurusan Operasi, Balai Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Alimaddia Bukri berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 11.36 pagi dan sepasukan anggota bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Banting dikejarkan ke lokasi kejadian.

Menurutnya, mangsa dikenali pasti sebagai Lee Kon Sin, 62, dan berasal dari Sungai Lui, Raub, Pahang.

"Anggota bomba mengambil masa hampir tiga jam dan berjaya dibawa keluar daripada timbunan tanah pada jam 2.26 petang.

"Mangsa disahkan sudah meninggal dunia oleh pasukan paramedik yang turut berada di lokasi," katanya di sini, semalam.

Beliau berkata, punca kejadian masih dalam siasatan dan mangsa dibawa ke Hospital Banting untuk bedah siasat.



**PEKERJA** warga emas tertimbus ketika memasang paip bawah tanah di Jalan Permatang Pasir-Bukit Jugra.

**Headline** : Seksa melompat  
**Publication** : Harian Metro  
**Date** : 16 September 2018  
**Page** : 85



**Nurul Hidayah Bahaudin**  
 news@nsp.com.my

**Kuala Lumpur**

**T**indakan seorang kanak-kanak perempuan melompat gembira sebaik melihat bajanya pulang ke rumah di Taman Wilayah Selayang di sini, sebaliknya menyebabkan kaki mangsa tersepit di celah besi penutup longkang.

Pegawai Pasukan Angkatan Pertahanan Awam (APM) Kuala Lumpur Lefenan Shahrul Kamar Mohd Johari berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian itu pada jam 10.24 malam kelmarin.

"Sebaik tiba, kami mendapati kaki kanan mangsa, Ayu Rizahana Rizalman, lima tahun, tersepit di celah besi penutup longkang berhampiran rumahnya.

"Kami mengambil masa kira-kira empat minit untuk mengeluarkan kaki kanak-kanak berkenaan," katanya ketika dihubungi semalam.

Shahrul Kamar berkata, kaki kanak-kanak perempuan itu dilaporkan bengkok akibat kejadian itu.

"Berdasarkan keterangan ahli keluarga mangsa, kaki kanak-kanak itu tersepit selepas melompat apabila melihat ayahnya pulang ke rumah.

"Mangsa dihantar ke hospital berhampiran oleh ahli keluarganya," katanya.

Mawar  
 Banting

**Headline** : Lelaki maut dihempap traktor mesin rumput  
**Publication** : Harian Metro  
**Date** : 19 September 2018  
**Page** : 62

## Lelaki maut dihempap traktor mesin rumput

**Manjung:** Seorang lelaki warga Bangladesh maut selepas dihempap traktor dipandunya di Ladang UIE, Pantai Remis di sini, semalam.

Jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perak berkata, anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Pantai Remis dikejarkan ke lokasi kejadian selepas menerima panggilan mengenai kejadian itu jam 1.55 tengah hari.

Menurutnya, anggota yang tiba di lokasi mendapati

mangsa dihempap traktor mesin rumput selepas jentera itu dikatakan terbabas dan terjatuh ke dalam parit berkenaan.

"Komander operasi mengarahkan anggota mengeluarkan mangsa.

"Anggota terpaksa mendapatkan bantuan jengkaut untuk mengalihkan traktor berkenaan sebelum dapat mengeluarkan mayat mangsa dan dibawa ke atas tebing," katanya.

Beliau berkata, mayat ber-



**TRAKTOR** mesin rumput dipandu mangsa terbabas sebelum terbalik dan jatuh ke dalam parit.

kebaikan diserahkan kepada dan operasi tamat jam 3.26 polis untuk tindakan lanjut petang.

**Headline** : Pekerja binaan maut tertimbus  
**Publication** : Kosmo  
**Date** : 17 September 2018  
**Page** : 10

Mayat warga emas tertimbus lebih tiga jam pada kedalaman tiga meter

# Pekerja binaan maut tertimbus

Oleh SUHANA MD. YUSOP

**KUALA LANGAT** - Seorang pekerja binaan maut selepas tertimbus di dalam tanah lebih tiga jam ketika melakukan kerja-kerja memasang paip bawah tanah di Jalan Projek Permatang Pasir-Bukit Jugra, Banting di sini semalam.

Mangsa, Lee Kon Sin, 62, disahkan maut di tempat kejadian dan mayatnya di temui oleh pasukan Bomba dan Penyelamat kira-kira pukul 2.26 petang.

Kejadian berlaku di tapak projek pembangunan loji rawatan air Labohan Dagang Daerah Kuala Langat.

Ketua Cawangan Pengurusan Operasi dan Balai, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Alimaddia Bukri berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian itu kira-kira pukul 11.36 pagi.

"Sebaik menerima laporan, seramai tujuh anggota diketuai Pegawai Bomba Kanan II Fadly Marshar daripada Balai Bomba dan Penyelamat Banting bergegas ke lokasi kejadian.

"Setibanya di lokasi kira-kira pukul 11.56 pagi, anggota bomba dimaklumkan bahawa mangsa telah tertimbus di dalam tanah selama kira-kira satu jam," katanya di sini semalam.

Alimaddia memberitahu, pasukan bomba bagaimanapun terpaksa mengambil masa lebih dua jam sebelum berjaya menemui mangsa pada kira-kira pukul 2.26 petang.

"Mangsa ditemui tertimbus di dalam tanah sedalam lebih tiga meter dan dia disahkan telah meninggal dunia," ujarnya.

Tambahnya, mayat mangsa diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut dan dihantar ke Hospital Banting untuk bedah siasat.

Di lokasi inilah Kon Sin tertimbus ketika sedang melakukan kerja-kerja memasang paip bawah tanah di Banting semalam.



*Mangsa  
Banting*

**Headline** : Pekerja binaan mati tertimbus tiga jam  
**Publication** : Utusan Malaysia  
**Date** : 17 September 2018  
**Page** : 13

## Pekerja binaan mati tertimbus tiga jam

um 17/9/18  
18.13



LOKASI seorang pekerja binaan maut tertimbus di Banting, Selangor, semalam.

**KUALA LANGAT 16 Sept.** - Seorang pekerja binaan maut selepas tertimbus di dalam tanah lebih tiga jam ketika memasang paip bawah tanah di tapak projek pembangunan loji rawatan air Labohan Dagang Daerah Kuala Langat di Jalan Projek Permatang Pasir-Bukit Jugra, Banting di sini hari ini.

Mangsa, Lee Kon Sin, 62, disahkan maut di tempat kejadian dan mayatnya ditemukan oleh pasukan Bomba dan Penyelamat pada kira-kira pukul 2.26 petang.

Ketua Cawangan Pengurusan Operasi dan Balai, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Alimaddia Bukri berkata, pihaknya menerima panggilan berhubung

kejadian itu pada kira-kira pukul 11.36 pagi.

"Sebaik sahaja menerima laporan, seramai tujuh anggota diketuai Pegawai Bomba Kanan II Fadly Marshar dari Balai Bomba dan Penyelamat Banting bergegas ke lokasi dengan sebuah jentera.

"Setiba di lokasi pada kira-kira pukul 11.56 pagi, anggota bomba difahamkan mangsa telah pun tertimbus kira-kira sejam," katanya di sini hari ini.

Alimaddia memberitahu, mangsa ditemukan kira-kira 3.048 meter di dalam tanah.

Tambahnya, mangsa diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut dan dihantar ke Hospital Banting untuk bedah siasat.

*Utusan  
Malaysia  
Banting*

**Headline** : Maut tertimbus ketika pasang paip  
**Publication** : Berita Harian  
**Date** : 17 September 2018  
**Page** : 18

# Maut tertimbus ketika pasang paip

➔ Bomba ambil masa 3 jam keluaran warga tua

dikenal pasti sebagai Lee Kon Sin, 62, berasal dari Sungai Lui, Raub, Pahang.

Beliau berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 11.36 pagi sebelum sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Banting dikejarkan ke lokasi kejadian.

## Tiga jam keluaran mangsa

"Anggota bomba mengambil masa hampir tiga jam untuk mengeluarkan mangsa daripada timbunan tanah pada jam 2.26 petang.

"Mangsa disahkan sudah meninggal dunia oleh pasukan paramedik yang turut berada di lokasi kejadian," katanya kepada NSTP, di sini, semalam.

Beliau berkata, punca kejadian masih dalam siasatan dan mayat mangsa dibawa ke Hospital Banting untuk bedah siasat.

(FOTO IHSAN BOMBA /BH)



Lokasi Kon Sin tertimbus ketika memasang paip bawah tanah di Jalan Permatang Pasir-Bukit Jugra, Banting, pagi semalam.

Oleh Siraj Mohd Zaini  
siraj@nstp.com.my

► Kuala Langat

Seorang lelaki warga emas maut tertimbus ketika melakukan kerja memasang paip bawah tanah di Jalan Permatang Pasir-Bukit Jugra, di sini, pagi semalam.

Ketua Cawangan Pengurusan Operasi dan Balai, Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Alimaddia Bukri, berkata mangsa

Masyarakat Banting

**Headline** : 20 kru cedera terhidu asap  
**Publication** : Berita Harian  
**Date** : 18 September 2018  
**Page** : 57

### SET PENGGAMBARAN TERBAKAR



**Anggota APM menyelamatkan kru produksi yang cedera selepas set penggambaran di kawasan hutan berhampiran sebuah pasar raya di Bandar Bukit Puchong terbakar, pagi semalam.**

## 20 kru cedera terhidu asap

BH 57 18/9/18

**Puchong:** Kru produksi filem di kawasan hutan berhampiran sebuah pasar raya dekat Bandar Bukit Puchong, di sini, gempar apabila rumah yang dibina sebagai sebahagian set penggambaran terbakar pagi semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 7 pagi, kumpulan itu sedang menjalankan sesi penggambaran kebakaran sebelum api merebak di luar kawalan menyebabkan 20 kru cedera kerana terhidu asap.

Pegawai Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Putrajaya, Sekreta-

riat Pengurusan Bencana Daerah Putrajaya Mejar (PA) Ahmad Junaidi Dukut Soeharto, berkata pihaknya mendapat panggilan berhubung kejadian jam 7.06 pagi.

#### Punca kebakaran

"Seramai empat anggota bergegas ke lokasi selepas difahamkan 20 kru penggambaran terhidu asap. Pasukan kami memberi bantuan awal dan membawa mangsa ke Hospital Serdang.

"Mangsa juga dibawa menggunakan ambulans pihak hospital. Punca ke-

bakaran tidak dapat dipastikan, namun maklumat awal mendapati mereka menjalankan babak kebakaran sebelum api merebak," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) turut bergegas ke lokasi untuk operasi memadamkan kebakaran.

"Mereka tidak melecur, namun didapati terhidu asap. Seorang daripada mereka dilaporkan kritikal dan dimasukkan ke zon merah Hospital Serdang," katanya.

*Wawancara  
Datin*

**Headline** : Wanita maut akibat keracunan karbon monoksida  
**Publication** : Kosmo  
**Date** : 27 September 2018  
**Page** : 07

## Wanita maut akibat keracunan karbon monoksida

**GEORGE TOWN** - Polis mengesahkan kematian seorang wanita yang ditemui maut di dalam sebuah bilik hotel di Jalan Macalister di sini kelmarin akibat keracunan gas karbon monoksida.

Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Che Zaimani Che Awang berkata, punca kematian wanita berusia 27 itu diperoleh selepas bedah siasat yang dijalankan oleh pakar di Hospital Pulau Pinang (HPP) semalam.

"Bagaimanapun, kita masih menunggu keputusan ujian kimia ter-

hadap sisa arang yang ditemui bersama wanita itu di lokasi kejadian yang kemungkinan digunakannya untuk membakar sejenis dadah.

"Setakat ini, keadaan anak lelaki mangsa berusia 10 tahun pula masih tidak sedarkan diri di HPP dan dia dilaporkan mengalami kerosakan buah pinggang, hati dan paru-paru akibat tersedu asap," katanya di sini semalam.

Karbon monoksida merupakan sejenis gas yang toksik. Antara sumber karbon monoksida ialah asap daripada ekzos kenderaan.

Kosmo 27/9/18

Wangyapen  
Daring

**Headline** : Lelaki mati tersepit antara lori dan kontena  
**Publication** : Kosmo  
**Date** : 24 September 2018  
**Page** : 08

## Lelaki mati tersepit antara lori dan kontena

**GOMBAK** - Malang tidak berbau apabila seorang lelaki yang sedang membaiki lori mati tersepit di celah lori tersebut dan sebuah kontena di Taman Industri Botton, Batu Caves di sini semalam.

Sebelum tragedi pada pukul 9.50 pagi, Mohd. Rizwan, 36, dipercayai sedang membaiki bahagian hadapan lori itu tetapi malangnya kenderaan tersebut secara tiba-tiba bergerak dan terlanggar sebuah kontena yang diletakkan di kawasan tersebut.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Selangor, Mohd. Rizal Buang berkata, pihaknya menerima panggilan menge-

nai kejadian tersebut pada pukul 10 pagi sebelum sepasukan pegawai dan anggota bomba dikerahkan ke lokasi kejadian.

"Setiba di lokasi kejadian, mangsa masih tersepit antara bahagian depan lori dan sebuah kontena. Selepas kira-kira 10 minit operasi menyelamat, lelaki itu dapat dikeluarkan namun pegawai perubatan mengesahkan dia sudah meninggal dunia," kata beliau ketika dihubungi semalam.

Menurut beliau, mayat lelaki itu diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut.

Sementara itu, usaha *Kosmo!* untuk mendapatkan maklumat dan identiti lelaki itu gagal.



KEADAAN seorang lelaki yang tersepit (bulatan) antara lori dan kontena di Taman Industri Botton, Batu Caves semalam.

**Headline** : Pekerja subkontrak TNB melecür kotak fuis terbakar  
**Publication** : Kosmo  
**Date** : 22 September 2018  
**Page** : 08



KEADAAN pekerja subkontrak TNB yang melecür akibat terkena renjatan elektrik ketika memeriksa kotak fuis di pencawang TNB Pangsapuri Kejora, Bayan Lepas, Balik Pulau semalam.



KOTAK fuis TNB di Pangsapuri Kejora, Bayan Lepas di Balik Pulau yang terbakar dan menyebabkan seorang pekerja subkontrak melecür.

## Pekerja subkontrak TNB melecür kotak fuis terbakar

Oleh SYALMIZI HAMID

**BALIK PULAU** - Seorang lelaki dipercayai pekerja subkontrak Tenaga Nasional Berhad (TNB) melecür seluruh badan dipercayai terkena renjatan elektrik semasa memeriksa sebuah kotak fuis di pencawang TNB Pangsapuri Kejora, Bayan Lepas di sini semalam.

Dalam kejadian kira-kira pukul 9.30 pagi itu, mangsa yang merupakan lelaki berusia 27 tahun melecür pada kedua-dua belah tangan, muka, badan serta kedua-dua belah paha akibat renjatan elektrik tersebut.

Ketua Polis Daerah Barat Daya, Superintendan A. A. Anbalagan berkata, kejadian itu disedari seorang penghuni pangsapuri yang terdengar bunyi letupan kuat di kawasan pencawang tersebut.

"Saksi itu yang pergi ke tempat kejadian melihat seorang lelaki dalam keadaan pakaian terbakar sedang menanggalkan topi keledar," kata beliau dalam satu kenyataan semalam.

Menurut beliau, semasa itu, kotak fuis mempunyai kesan terbakar.

Katanya, siasatan menda-

pati mangsa sebelum kejadian sedang melakukan pemeriksaan pada kotak fuis berkenaan.

"Pemeriksaan itu adalah berkaitan kekuatan pengagihan bekalan TNB di kawasan pangsapuri berkenaan. Namun begitu kotak fuis pencawang tersebut terbakar," katanya.

Anbalagan memberitahu, mangsa yang sebelum ini dihantar ke sebuah hospital swasta di Bayan Baru telah dipindahkan ke Hospital Pulau Pinang kira-kira pukul 12.30 tengah hari berikutan dia mengalami lecur yang serius.

*Mangsa*  
*Kejadian*

**Headline** : DOSH should probe lift  
**Publication** : The Star  
**Date** : 27 September 2018  
**Page** : 40

## DOSH should probe lift

I REFER to the report on the worker crushed to death by a faulty service elevator in a restaurant in Penang. "Delivery boy Shahrukh Khan dies after being crushed between lift doors in George Town" (*TheStarOnline*, Sept 23).

The police and the Fire and Rescue Department were at the scene and it was reported that preliminary investigations showed "there was no foul play involved and the case has been classified as sudden death."

Does this mean an "act of God" and that no further action would be taken? I certainly hope not! The Department of Occupational Health and Safety (DOSH) is authorised under the Occupational Safety and Health Act 1994 to conduct detailed investigations on the failure of lifting and hoisting equipment at the workplace.

The investigations cover the design, construction, routine inspection and maintenance standard operating practices according to the engineering standards, codes and technical specifications for lifting and hoisting equipment.

Last month, an ammonia gas leak from pressurised equipment at an ice-making factory in Shah Alam resulted in the death of two workers.

Reports by DOSH on the above workplace fatalities would be enlightening to prevent and/or reduce such occurrences.

LEO PAUL  
Malaysian Welding & Joining Society  
Klang

**Headline** : Laksana audit keselamatan PPR  
**Publication** : Utusan Malaysia  
**Date** : 19 September 2018  
**Page** :

## Laksana audit keselamatan PPR

**KUALA LUMPUR 18 Sept.** - Audit keselamatan perlu dilakukan di semua Projek Perumahan Rakyat (PPR) di negara ini bagi mengelakkan insiden kanak-kanak maut terjatuh dari premis kediaman itu berulang lagi.

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye berkata, pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu melaksanakan audit keselamatan terhadap PPR dari semasa ke semasa bagi mengenal pasti kelemahan yang boleh diperbaiki segera.

"Ada dilaporkan kanak-kanak terbabit terjatuh dari bangunan tersebut kerana jeriji berkarat. Jadi, saya rasa itu mungkin menjadi salah satu punca berlakunya kejadian ini kerana ia tidak selamat," katanya ketika dihubungi *Utusan*

*Malaysia* di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian susulan kes kejadian seorang kanak-kanak perempuan yang maut akibat terjatuh dari tingkat 17 di Blok A, PPR Kota Damansara dekat sini, Khamis lalu.



LEE LAM THYE

Mengulas lanjut, Lam Thye turut meminta pihak bertanggungjawab yang membina PPR memberi lebih tumpuan terhadap aspek keselamatan ketika membangunkan projek tersebut.

"Apabila PPR itu dibangunkan, reka bentuknya mesti mengambil kira soal keselamatan penduduk termasuk dari segi pemasangan jeriji dan lain-lain," katanya.

Beliau juga berkata, kanak-kanak tidak harus dibiarkan tinggal berseorangan di rumah dan ibu bapa perlu mengambil tanggungjawab memastikan keselamatan anak mereka.

Malaysian Welding & Joining Society

<b>Headline</b>	: Mati tersepit pada lif barang
<b>Publication</b>	: Kosmo
<b>Date</b>	: 24 September 2018
<b>Page</b>	: 08

Penghantar ayam ditemui maut ketika punggah ayam ke restoran nasi kandar

# Mati tersepit pada lif barang

Kosmo  
8  
24/9/18

Oleh SYALMIZI HAMID

**G**EORGE TOWN – Seorang pekerja penghantar ayam yang sepatutnya merayakan hari lahirnya hari ini maut apabila tersepit pada lif mengangkut barang di sebuah restoran nasi kandar di Jalan Penang di sini semalam.



Dalam kejadian pada pukul 9.40 pagi itu, Mohammad Shahrukh Khan Mohd. Mydin, 19, meninggal dunia di tempat kejadian selepas mengalami kecederaan parah di beberapa anggota badan.

Semasa ditemui, bahagian bahu dan kepala Mohammad Shahrukh tersepit pada lif berkenaan yang turun ke bawah dengan bahagian pinggang tersangkut pada muka pintu lif di tingkat tiga.

Lif berkenaan hanya untuk kegunaan mengangkut barang-barang mentah untuk masakan di restoran tersebut. Semasa kejadian mangsa dipercayai dalam proses memunggah keluar bekalan ayam ke restoran nasi kandar tiga tingkat berkenaan. Semasa memunggah bekalan tersebut di tingkat tiga, lif itu mungkin mengalami masalah teknikal menyebabkan in turun secara tiba-tiba.

Usaha mengeluarkan badan mangsa yang tersepit dilakukan oleh anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat yang tiba ke



MAYAT Mohammad Shahrukh yang tersepit pada lif angkut barang di sebuah restoran nasi kandar di Jalan Penang, George Town semalam.

lokasi kejadian pada pukul 9.50 pagi.

Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Che Zaimani Che Awang berkata, mangsa ditemui dalam keadaan tersepit pada lif di tingkat tiga restoran tersebut.

"Hasil siasatan awal mendapati tiada sebarang unsur jenayah berlaku dalam kes itu dan kejadian itu diklasifikasikan sebagai kes kematian mengejut," kata beliau.

Menurut beliau, mayat man-

gsa dihantar ke Hospital Pulau Pinang untuk bedah siasat.

Sementara itu, *Kosmo!* difahamkan Mohammad Shahrukh merancang untuk membawa ibu bapanya menginap di sebuah hotel di sini bagi merayakan hari jadinya pada hari ini namun tidak kesampaian.

Anak pertama daripada enam beradik itu dikatakan bekerja sebagai penghantar ayam sejak setahun lalu dan sering menghantar bekalan ke restoran tersebut.

*Malaysian  
Daily*

**Headline** : Boosting safety in digital era  
**Publication** : New Straits Times  
**Date** : 25 September 2018  
**Page** : 71

OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH ACT

1557 21 25/9/18

# BOOSTING SAFETY IN DIGITAL ERA

Amendments to act will be tabled in Parliament next month, says Mahfuz

SUHAILA SHAHRUL ANNUAR  
**PUTRAJAYA**  
cnews@nstp.com.my

**T**HE amendments to the Occupational Safety and Health Act 1994 are expected to be tabled in the next sitting of the Dewan Rakyat to coordinate regulations and practices in line with today's digital era of the workplace.

Deputy Human Resources Minister Datuk Mahfuz Omar said the proposed amendments were being reviewed by the Attorney-General's Chambers.

"The comprehensive changes and improvements made to the act will cover various aspects like specifying the penalties for offences.

"All changes must be approved by all stakeholders, including industry players.

"If all goes smoothly, the amendments will be tabled in the next parliament session in October," he said yesterday at the



Deputy Human Resources Minister Datuk Mahfuz Omar greeting participants of the Conference on Occupational Safety and Health 2018 in Putrajaya yesterday. BERNAMA PIC

launch of the Conference on Occupational Safety and Health (COSH) 2018, which attracted about 1,500 participants.

The theme of COSH 2018 is Enhancing OSH in the New Digital Era, which is a platform for government agencies and stakeholders to share their views and input on aspects relating to occupational safety and health in line with the Industry 4.0 revolution.

Present was National Institute

of Occupational Safety and Health (Niosh) chairman Tan Sri Lee Lam Thye.

Mahfuz, who also chairs the National Occupational Safety and Health Council, said he would ensure that comprehensive efforts, new policies and the realignment of occupational safety and health directions would be integrated in all levels of society.

The ministry, he added, would boost the Occupational Safety and Health Department's capa-

bilities in terms of enforcement.

"We will ensure Niosh continues to excel and become a key driver in coming up with integrated studies relating to occupational safety and health so that it remains relevant to the current need on top of providing training and consultations in line with the digital era.

"The government plays an open and constructive roles to safeguard workers' safety in all sectors," he said.

*Newspaper Cutting*

**Headline** : Students hurt as storm hits school  
**Publication** : The Star  
**Date** : 25 September 2018  
**Page** : 06



Extensive damage: being pointing to the damaged roofs and solar panels of one of the school blocks at SMK Hwa Hwa [1] at Jalan Kuala Nerus, Alor Setar.

Watch the video [thestartv.com](http://thestartv.com)

# Students hurt as storm hits school

## Five girls injured by falling debris as strong winds blow off the roofs

By G.C. TAN  
gctan@thestar.com.my

**ALOR SETAR:** Five SMK East Five (1) students were injured when a storm swept through the school in Jalan Kuala Nerus here.

The girls were injured by falling debris from a roof during the 7.15am incident yesterday.

Principal Wong Chee Hong said the three students, all aged 15, sustained light injuries on the head, hand and shoulder.

All 2,000 students were in the 60 classrooms with their teachers when the storm struck. Fortunately, the rest were not injured.

The victims were sent to the Sultanah Bahiyah Hospital.

Only one was admitted for observation while the rest were sent home after an examination," said Wong.

The injured were identified as Teoh Shi Wan, Oei N Gel, Oei Nuan Ning, Looe Chang Yee Xin and Maany Lee Zi Yee.

Wong said the morning session students were allowed to go home, but the afternoon classes went on as usual.

"Students preparing to sit for their PT3, SPM and SPM examinations are required to attend school for the rest day. The rest need not come," he added.

Wong estimated that it would cost RM800,000 to repair the roofs and replace the solar panels of the six damaged blocks.

Wong recalled that the winds were so strong that the teachers and students were unable to close the doors and windows of the classrooms.

"Toxewater swept into classrooms on the



Aftermath: A student looking at a section of the roof that collapsed in the storm. — Bernama (right) injured student Shi Wan being taken to the Sultanah Bahiyah Hospital for treatment.

top floor via the exposed roof and hundreds of the students' schoolbags were soaked.

"Two vehicles, parked in the school compound, were also damaged when the EOC roofing shattered the windcreens," he said.

Jalan Raja fire station commander Ahmad Harodin told said six firemen in an engine rushed to the school to help evacuate the students and teachers to safety.

"There were placed in the school hall while

we conducted investigations."

Kota Setar district education officer Nikhtur-Ahmed and several of his officers were also at the school to comfort the students affected by the storm.

*The Newspaper Cutting*